

Graduan perlu lebih berani, kreatif

Oleh SUHANA ABDUL MUTALIB

KUALA SELANGOR 17 Sept. – Canselor Universiti Industri Selangor (Unisel), Datin Seri Rosmah Mansor menyeru graduan supaya lebih berani berdiri di atas kaki sendiri dan kreatif mencipta peluang pekerjaan baru.

Ini kerana, ujar beliau, graduan kini berdepan dengan realiti kehidupan yang lebih mencabar dan sekiranya masih memiliki sifat negatif serta berharap pada peluang pekerjaan yang ada di depan mata, sukar untuk mereka mencipta kejayaan lebih besar.

Isteri Timbalan Perdana Menteri itu berkata, graduan juga perlu mengubah sikap 'berpada-pada apa yang ada' kepada sikap yang lebih proaktif selain mengutamakan pemikiran yang lebih inventif dan inovatif.

"Saya percaya, dengan segala bentuk kemudahan, kursus dan pinjaman kewangan yang ditawarkan, adalah tidak mustahil suatu hari nanti para graduan yang ada hari ini mampu menjadi antara usahawan yang berjaya.

UM - 18/9/2008

Graduan juga perlu mengubah sikap 'berpada-pada apa yang ada' kepada sikap yang lebih proaktif selain mengutamakan pemikiran yang lebih inventif dan inovatif

ROSMAH MANSOR
Canselor Universiti
Industri Selangor (Unisel)

"Amatlah benar kata pepatah, yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang dan hanya sifat sabar, tekun dan tabah sahaja yang mampu menentukan kejayaan seseorang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Istiadat Konvokesyen Pertama-Unisel di Kampus Bestari Jaya, di sini, hari ini.

Pada majlis tersebut, seramai 1,512 graduan berjaya memperoleh sarjana, ijazah dan diploma dalam bidang pengajian masing-masing.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Rosmah seterusnya berkata, ijazah pertama yang diperolehi oleh para graduan hari ini merupakan titik permulaan dan

graduan sewajarnya memiliki sikap untuk melanjutkan kelayakan akademik ke tahap lebih tinggi.

Jelas beliau, selaras dengan tuntutan hidup yang semakin mencabar mereka memerlukan kelayakan akademik dan kemahiran yang pelbagai selain kebolehan untuk bekerja sepanjang hayat.

Menyedari hal tersebut, katanya, para graduan wajib mempersiapkan diri sebagai individu yang memiliki keupayaan pelbagai untuk berjaya dalam kehidupan.

"Memetik kata-kata Imam Al-Ghazali, kejayaan dan kehebatan negara pada masa hadapan bergantung pada generasi hari ini, jika elok dan baik perilakunya maka elok dan baiklah masa depan negara, dan jika sebaliknya maka hancurlah dan punahlah cita-cita," ujar beliau.